

SIARAN MEDIA

GoHalal jalin kerjasama dengan Aliff By Sha lancar tudung eksklusif

Kuala Lumpur, 26 Oktober 2017 - GoHalal, sebuah platform dagangan dalam talian produk Halal, telah menjalin kerjasama dengan butik rekaan terkenal Aliff By Sha untuk melancarkan koleksi tudung satin eksklusif.

Koleksi tudung ini boleh didapati dalam 15 rekaan eksklusif, yang terdiri dari motif bunga hingga geometri. Ia disasarkan kepada kolektor dan peminat tudung yang arif membuat pilihan. Setiap rekaan didatangkan dalam jumlah yang terhad, sekali gus menjadikan setiap rekaan adalah satu-satunya dan eksklusif bagi mereka yang memiliki tudung ini. Tudung ini dijual pada harga RM99 sehelai termasuk GST dan hanya boleh didapati di www.gohalal.com.my.

Majlis pelancaran tudung satin eksklusif ini diadakan di Kuala Lumpur hari ini. Pada majlis itu, GoHalal diwakili oleh Pengerusi Eksekutif Dagang Net Technologies Sdn Bhd, Datuk Samsul Husin dan Ketua Pegawai Eksekutif GoHalal, Dato' Mohd Nasaruddin Ahmad manakala Aliff By Sha diwakili oleh Pengarah Urusan ASK Boutique, Dato Seri Aliff Syukri Kamarzaman.

"Kami gembira dapat bekerjasama dengan Aliff By Sha bagi melancarkan koleksi tudung satin eksklusif ini untuk pelanggan kami di GoHalal. Aliff By Sha semakin menonjol sebagai sebuah butik rekaan popular di rantau ini dan kami pastinya meninjau peluang untuk bekerjasama di masa depan,"kata Datuk Samsul Husin.

"Bagi Aliff By Sha, kami sesungguhnya mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan platform GoHalal seiring dengan peningkatan populariti trend membeli-belah dalam talian serta melengkapkan saluran sedia ada kami untuk sampai kepada pelanggan. Ini adalah Tudang Bawal Satin Sutera edisi kesembilan yang dihasilkan oleh Aliff By Sha sejak ia dilancarkan ke pasaran pada Januari tahun ini. Sebagai meraikan kerjasama kami dengan GoHalal, kami menawarkan 15 rekaan tudung yang menawan dan eksklusif berbanding koleksi baru kami lazimnya hanya mempunyai 10 rekaan,"kata Dato Seri Aliff Syukri Kamarzaman.

GoHalal adalah sebuah ePasaran yang diperkenalkan oleh Dagang Net – anak syarikat sepenuhnya Dagang NeXchange Berhad (“DNeX”) – dan boleh diakses melalui www.gohalal.com.my. ePasaran ini telah membawa industri Halal ke dalam talian di mana syarikat atau individu boleh mendapat pembekal atau pembeli bagi produk dan perkhidmatan mereka serta mendapat dan bertukar maklumat tentang industri Halal dalam beberapa klik.